



Kewujudan UMSKAL rancakkan ekonomi Labuan

NST 12.9.2017 ♂

LABUAN: Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Haji Bashir Haji Alias, berkata kewujudan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sejak tahun 1999 telah banyak membantu merancakkan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, kemasukkan pelajar, pensyarah dan kakitangan UMSKAL sedikit sebanyak membantu menjana ekonomi dari segi keperluan perumahan, pengangkutan, kuasa beli, kraftangan dan produk serta hasil keluaran tempatan.

"Kehadiran pelajar telah membantu merancakkan ekonomi Labuan, malah memberi kesan kepada pembangunan bukan sahaja dalam pertukaran budaya tetapi juga menaikkan semangat anak muda tempatan untuk menempatkan diri ke manara gading," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Malam Persembahan Bakat Sempena Minggu Suai Mesra sesi 2017/2018 di dewan utama UMSKAL, disini baru-baru ini. **-OLEH: JAIN-UDIN DJIMIN**